

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2019**

MPP 3

**PERNIAGAAN
KERTAS 2**

NAMA :

KELAS :

DIBIYAI OLEH KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting dan mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

**MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN 3
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019**

PERNIAGAAN

**Kertas 2
Ogos 2019**

2 ¼ jam

3766/2

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C*
2. *Jawab lima soalan di Bahagian A, dua soalan daripada bahagian B dan satu soalan wajib dalam Bahagian C.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
7. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A
[50 markah]

Jawab mana-mana lima soalan daripada bahagian ini

- 1 (a) Gambar 1 di bawah berkaitan sejenis perniagaan.



Gambar 1

Nyatakan **tiga** konsep asas perniagaan yang berkaitan dengan perniagaan di atas.

[3 markah]

- (b) Terangkan jenis rakan kongsi di bawah:

- i) Rakan kongsi lelap
- ii) Rakan kongsi aktif

[4 markah]

- (c) Nyatakan kelebihan sumber manusia dalaman kepada sesebuah organisasi perniagaan.

[3 markah]

- 2 (a) Jelaskan perbezaan antara organisasi bermotifkan untung (OBU) dengan organisasi bukan bermotifkan untung (OBBU)

[4 markah]

- (b) Apakah kesan kepada perniagaan jika gagal mencapai matlamat dan objektif perniagaan?

[3 markah]

- (c) Nyatakan kepentingan SWOT kepada perniagaan.

[3 markah]


3

Gambar 2 menunjukkan satu bahagian fungsian dalam perniagaan.



Gambar 2

- (a) Nyatakan peranan yang dimainkan oleh bahagian fungsian tersebut? [3 markah]
- (b) Rajah 1 adalah berkaitan proses aliran barang dan perkhidmatan.



Rajah 1

- (a) Nyatakan bahagian fungsian X, Y dan Z [3 markah]
- (c) Terangkan jenis saluran agihan yang digunakan dalam membuat pengagihan dan pengedaran kepada pengguna. [4 markah]

- 4 (a) Situasi berikut menunjukkan seorang usahawan produk berasaskan makanan

Encik Ahmad bercadang untuk mengeluarkan produk baharu iaitu jeruk buah mangga asam boi untuk memenuhi kehendak penduduk Negeri Terengganu. Produk tersebut akan dijual di sekitar bandar Kuala Terengganu, Marang, Dungun dan Kemaman. Bagi memenuhi permintaan yang meningkat, beliau juga bercadang untuk menjual produk tersebut secara dalam talian


Jelaskan jenis sumber fizikal yang diperlukan oleh Encik Ahmad

[4 markah]

- (b) Nyatakan aspek pengelolaan Sumber Manusia dalam pembangunan perniagaan.

[2 markah]

- (c) Gambar 3 di bawah menunjukkan bangunan Pusat pentadbiran kerajaan persekutuan.



Gambar 3

Jelaskan **dua** peranan kerajaan pusat dalam membantu perniagaan dari aspek perundangan.


[4 markah]

5. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan seorang usahawan.

Munirah ialah seorang pemborong tudung yang memiliki sebuah kedai yang bertempat di Dataran Austin Kuala Terengganu. Munirah membeli stok secara kredit daripada pengeluar dan membuat pembayaran melalui akaun semasanya.

- i. Apakah jenis pembiayaan yang sesuai digunakan oleh Munirah? [1 markah]
- ii. Mengapakah Munirah memilih jenis pembiayaan tersebut? [3 markah]

(b) Rajah 2 merupakan proses permohonan pinjaman bank.



Rajah 2

Apakah proses yang terlibat bagi:

- (i) A
- (ii) B
- (iii) C

[3 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah syarikat yang mengeluarkan 10 000 unit pakaian.

Butir	RM
Jualan (RM8 seunit)	50,000
Kos berubah	30,000
Kos tetap	10,000

Hitungkan Titik Pulang Modal berdasarkan maklumat di atas.

[3 markah]

- 6 (a) Amirul merupakan seorang usahawan berjaya. Senaraikan sumbangan Amirul kepada masyarakat. [3 markah]
- (b) Apakah tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh seorang usahawan setelah mendaftarkan perniagaan? [4 markah]
- (c) Senaraikan kepentingan menyediakan Rancangan kewangan kepada seorang usahawan. [3 markah]

Bahagian B
[30 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini


- 7 (a) Gambar 3 di bawah berkaitan satu milikan perniagaan.



Gambar 3

- Huraikan ciri-ciri milikan perniagaan di atas. [7 markah]
- (b) Terangkan jenis kemahiran kebolehkerjaan yang perlu dimiliki oleh pekerja. [8 markah]

- 8 (a) Rajah 3 menunjukkan struktur organisasi Syarikat Adz Holding Sendirian Berhad



Rajah 3

Setiap bahagian dalam struktur organisasi Syarikat Adz Holding Sendirian Berhad mempunyai fungsi dan peranan masing-masing.

Huraikan peranan setiap bahagian fungsian di atas? [8 markah]

- (b) Jelaskan faktor-faktor penentu sistem penggajian dalam setiap organisasi. [7 markah]

- 9 (a) Maklumat yang berikut berkaitan dengan Puan Aina

Puan Aina merupakan pengeluar roti dan kek yang terkenal di Kuala Terengganu. Baru-baru ini beliau telah mendapat kontrak membekalkan roti dan kek ke asrama sekolah di seluruh negeri Terengganu selama 2 tahun. Bagi memenuhi permintaan tersebut beliau memerlukan beberapa mesin pengadun dan pembakar roti dan kek yang lebih canggih tanpa menanggung kos penyelenggaraan dan baik pulih peralatan.

Cadangkan satu jenis pembiayaan luaran yang ditawarkan oleh bank dan institusi kewangan bagi membolehkan Pn Aina memiliki mesin tersebut. [6 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Aiman.


Encik Aiman bercadang membuka perniagaan mengeluarkan pelbagai produk minuman kesihatan. Beliau telah menyediakan rancangan perniagaan untuk perniagaan yang akan dimulakan.

Jelas tiga pihak yang memerlukan rancangan perniagaan tersebut. [9 markah]

BAHAGIAN C
 [20 markah]
 Soalan ini *wajib* dijawab.


10. Tauke beras, bihun, tepung lulusan SRP

Encik Ramli Muda yang kelulusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) mencipta kejayaan dengan menjadi tauke kilang padi, bihun dan pelbagai jenis tepung menggunakan jenama beras Era Mas dan tepung serta bihun cap Tiga Teratai.



Ramli ialah pemilik Syarikat PRM Food & Marketing Sdn Bhd (PRM) yang beroperasi di Kawasan Perindustrian Bukit Kor, Rhu Rendang, Marang, Terengganu. Syarikat beliau bukan sahaja mengeluarkan beras sebanyak 1,560 tan sebulan, malah tiga kilang yang beroperasi di situ turut mengeluarkan pelbagai jenis tepung seperti tepung gandum, pulut, jagung dan ubi.

Jualan bersih bagi aktiviti pengeluaran produk adalah seperti berikut.



PRM satu-satunya syarikat milik bumiputera di negara ini yang bermula dari perniagaan memproses makanan pada tahun 1996 dengan bantuan modal permulaan sebanyak RM50,000 daripada Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU). Kini berjaya merekodkan untung bersih yang dicatat oleh syarikat menunjukkan peningkatan iaitu dari RM 22.4 juta (2010) kepada RM 28 juta (2015).

PRM menjadikan kegiatan memproses makanan dan pertanian di Thailand sebagai rujukan untuk mencapai kejayaan di dalam perniagaan makanan, seterusnya mendorongnya membangunkan kilang memproses tepung ubi kanji di tanah seluas 3.5 hektar berhampiran tapak kilangnya menjelang 2020.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Terangkan prosedur mengurus sumber fizikal perniagaan yang perlu dijalankan oleh Syarikat PRM Food & Marketing Sdn Bhd (PRM)? (4 markah)
- (b) Mengapakah Encik Ramli Muda memilih jenis pemilikan di atas? (4 markah)
- (c) (i) Terangkan sumber pembiayaan yang diperolehi oleh Encik Ramli. (2 markah)
(ii) Jelaskan kelebihan sumber pembiayaan di (c)(i) di atas. (3 markah)
- (d) Jelaskan kepentingan keuntungan kepada perniagaan. (5 markah)
- (e) Kirakan peratus margin untung bersih Syarikat PRM Food & Marketing Sdn Bhd (PRM) bagi tahun 2015? (3 markah)

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT